

# Pengundi bukan Melayu tetap sokong BN

Oleh ALI MAHMOOD

**RAUB**, 17 Jan. - Pengundi kaum Cina yang tinggal di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam akan terus memberikan sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN) walaupun calon itu bukan daripada kalangan kaum mereka.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Cheroh iaitu di kawasan yang mempunyai ramai pengundi Cina mendapati rata-rata mereka mengatakan tidak akan menyokong calon bebas kerana tidak yakin calon itu dapat membawa pembangunan dan menyelesaikan masalah penduduk.

Seorang pengundi, Teh Boon Aik, 47, hairan bagaimana seorang calon bebas yang tidak mempunyai parti dapat menjadi wakil rakyat.

Katanya, calon itu jelas tidak mempunyai kekuatan atau jentera untuk bertindak bagi menyelesaikan masalah yang dialami penduduk.

"Beberapa wakil rakyat BN sebelum ini berjaya membawa pembangunan meliputi kemudahan asas yang menjadi keperluan penduduk di sini seperti air, elektrik dan jalan raya," katanya.



TEH BOON AIK

Seorang lagi pengundi, Ho Fu Song, 64, meragui kemampuan calon bebas dalam pilihan raya kecil itu yang dianggapnya masih mentah dan belum memahami keperluan atau kebenda penduduk setempat.

"Saya tidak yakin kerana dia (Ng Chee Pang) begitu muda dan tidak berpengalaman dalam politik. Jika dipilih sebagai wakil rakyat, dia tidak boleh melaksanakan tugasnya dengan baik."



THONG YOKE FUNG

"Nasihat saya ialah jika calon bebas itu ingin berkhidmat kepada rakyat, dia perlu mempunyai parti dan mendapat sokongan ahli. Tetapi, kalau dia sendiri tidak mempunyai penyokong, siapa yang akan membantunya nanti," kata Fu Song.

Bagi Thong Yoke Fung, 37, masyarakat Cina di Cheroh dapat menerima wakil rakyat daripada parti UMNO kerana majoriti penduduk di situ adalah orang Melayu dengan majoritinya lebih 80 peratus.



HO FU SONG

"Pengundi Cina di sini hanya sekitar 11 peratus, tetapi kami tidak pernah tersisih daripada arus pembangunan walaupun wakil rakyat kami orang Melayu."

"Walaupun ada beberapa masalah yang sering berbangkit seperti tempat pelupusan sampah, longkang tersumbat dan lampu jalan yang tidak berfungsi, tetapi ia boleh diatasi tanpa perlu memilih pembangkang bagi menyelesaikan masalah berkenaan," ujarnya.

Seorang pengundi kaum India, A. Gurunathan, 61, berkata, calon BN, Abd. Aziz Mat Kiran ialah anak tempatan yang cukup dikenali oleh semua kaum di Batu Talam.

"Bellai merupakan calon yang mudah mesra dengan semua penduduk di sini. Sejak remaja lagi, dia bergaul dengan semua kaum tanpa mengira mereka orang Cina, India atau Orang Asli."

"Kami yakin bellai boleh menjadi wakil rakyat yang bertanggungjawab dan boleh menyelesaikan masalah penduduk di Batu Talam," katanya.

Pada pilihan raya kecil Batu Talam pada 28 Januari ini, Abd. Aziz, 47, akan menentang calon bebas, Ng Chee Pang, 22.

Um - 18/2/2007